

UCAPAN YAB PERDANA MENTERI,  
DATO HUSSEIN ONN, SEMASA MERESMIKAN  
KONVENSYEN UMNO WILAYAH PERSEKUTUAN,  
DI DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA,  
PADA HARI SABTU, 10HB. MEI, 1980  
JAM 10.00 PAGI.

Assalamu 'alaikum warahmatullahi  
wabarokatuh.

Bismillahir - Rahmanir - Rahim.

1. Yang Berbahgia, Pembalan Pengerusi  
dan Ahli<sup>2</sup> Badan Perhubungan  
UMNO Wilayah Persekutuan.
2. Yang Berbahgia, Setiausaha Agung UMNO.
3. Yang Berbahgia, Pengerusi dan Ahli<sup>2</sup>  
Jawatankuasa Pengamjir Konvensyen.
4. Para Peserta.
5. Tuan<sup>2</sup> dan Puan<sup>2</sup> sekalian.

Terlebih dahulu saya mengucapkan syukur kehadrat Allah Subhanahu Wataala, kerana dengan limpah kurnia dan izinNYA, dapat saya turut melibatkan diri dalam Konvensyen yang bersejarah ini. Saya mengucapkan terimakasih dan penghargaan, kepada Jawatankuasa Perhubungan UMNO Wilayah Persekutuan, dan juga Jawatankuasa Penganjur Konvensyen ini, di atas penghormatan yang telah diberikan kepada saya. Saya penuh yakin, bahawa Konvensyen seperti ini, dapat mengukuhkan azam perjuangan parti, di samping mengeratkan lagi hubungan pemimpin-pemimpin parti di peringkat

...3/-

negeri dengan pemimpin dan ahli-ahli UMNO



Bahagian-Bahagian dan Cawangan-Cawangan.

2. Konvensyen UMNO, kali pertama diadakan tahun ini, adalah penting. Ia diadakan berikutan pindaan kepada Perlembagaan UMNO, iaitu peruntukan fasal 13, cerai 9, yang telah diluluskan dalam Perhimpunan Agung Khas tahun lalu. Peruntukan baru ini, mewajibkan Badan Perhubungan UMNO di tiap-tiap negeri mengadakan Konvensyen sekurang-kurangnya sekali dalam setahun. Tujuannya ialah

untuk memberi peluang kepada pemimpin-pemimpin parti dari tiap-tiap bahagian di seluruh negara untuk menumpukan perhatian kepada masalah-masalah setempat dan seterusnya membincangkannya dengan teliti, serta membuat cadangan-cadangan yang membina.

3. Mengkaji segala masalah perjuangan parti, dasar-dasar, pelaksanaan rancangan pembangunan dan perjalanan pentadbiran Kerajaan yang berkaitan dengan sesebuah negeri, memang penting dilakukan dari masa kesemasa, lebih-lebih lagi kerana UMNO adalah menjadi teras parti yang mendukung Kerajaan.

... 5/-

Masalah-masalah politik, ekonomi dan sosial, khusus bagi sesebuah negeri termasuk Wilayah Persekutuan, perlu diberi perhatian yang serious, serta dibincangkan oleh pemimpin-pemimpin UMNO secara terperinci dan mendalam. Pada keseluruhannya pula, kesemua Konvensyen yang diadakan ini, akan dapat memberi gambaran secara menyeluruh atau komprehensif, terhadap masalah orang-orang Melayu dalam konteks negara amnya.

Isyu-isyu yang dibangkitkan, serta cadangan-cadangan yang dikemukakan, boleh menjadi bahan yang penting kepada Kerajaan dalam merumuskan dasar dan strageji pembangunan negara. Konvensyen yang pertama ini

menjadi lebih penting lagi, memandangkan Kerajaan sedang di dalam proses menyediakan Rancangan Malaysia Ke 4 yang akan di laksanakan mulai tahun depan.

4. Dalam Konvensyen ini, para peserta akan dapat memberi pandangan dan pendapat mereka masing-masing, mengenai dasar-dasar dan apajua masaalah, menegur di atas kelemahan dan kepincangan jentera perancangan dan pelaksanaan Kerajaan serta mengemukakan cadangan-cadangan bagi mengatasi masaalah-masaalah yang wujud dalam sesebuah negeri atau dalam keadaan-keadaan yang tertentu. Dalam hal ini, UMNO perlu juga memberi perhatian terhadap peranan dan tanggungjawab

...7/-

parti dan masyarakat, sebagai rakan aktif dalam pembangunan.

Dengan adanya Konvensyen seperti ini, maka Perhimpunan

Agong UMNO, boleh dan seharusnya, menumpukan

perhatian kepada isyu-isyu besar dan dasar perjuangan

parti. Konvensyen ini, juga menambah peluang penyertaan

ahli-ahli empat kali ganda lebih ramai daripada jumlah

bilangan peserta dalam sesuatu Perhimpunan Agong.

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian.

5. Konvensyen di Wilayah Persekutuan ini,

hendaklah menumpukan perhatian kepada masalah-

masalah setempat, khususnya masalah-masalah

masyarakat Melayu. Sukacita saya melihat bahawa lima

kertas kerja telah disediakan bagi Konvensyen ini.

...8/-

**Kertas-**

/kertas kerja ini meliputi; peranan UMNO; tanah, perumahan dan setinggan; penyertaan bumiputra dalam bidang ekonomi; pelajaran, latihan dan agama; dan kedudukan dan peranan belia dalam Wilayah Persekutuan. Saya harap, para peserta akan menjadikan kertas-kertas kerja ini, sebagai asas penelitian masalah-masalah masyarakat Melayu di Wilayah Persekutuan ini.

6. Dalam membincangkan masalah-masalah sosio-ekonomi masyarakat Melayu di Wilayah Persekutuan, para peserta hendaklah melihat dan mengkajinya dari berbagai sudut dan aspek dengan mengambil-kira hakikat

...9/-

bahawa Kuala Lumpur adalah pusat metropolitan, yang menjadi tumpuan pelbagai kegiatan dan mempunyai masalah-masalahnya yang tersendiri.

7. Sebagai pusat pentadbiran, perniagaan, kegiatan kebudayaan dan lain-lain lagi, Wilayah Persekutuan telah mengalami perubahan yang besar. Di sebabkan pembangunan Wilayah Persekutuan dan pertumbuhan ekonominya yang pesat/ telah menjadi tarikan dan tumpuan penghijrah-penghijrah yang ingin menikmati suasana dan kemudahan bandar, di mana peluang-peluang sentiasa wujud dan berkembang. Pertambahan bilangan penduduk akibat penghijrahan, serta harapan

tinggi mereka terhadap kemudahan dan peluang ini, telah menimbulkan masalah yang kompleks. Masalah ini sentiasa mendapat perhatian berbagai pihak.

8. Kuala Lumpur sebagaimana yang kita maklum, menjadi pusat perkembangan kegiatan ekonomi negara.

Perkembangan ekonomi yang semakin meningkat, telah menjadikan Ibu Negara kita ini, pusat perdagangan antarabangsa yang penting. Ini telah membuka berbagai peluang bagi semua rakyat, termasuk orang-orang Melayu.

Peluang-peluang pekerjaan terdapat di Pejabat-Pejabat Kerajaan, firma-firma dan syarikat-syarikat swasta.

...II/-

Tetapi apa yang dikehendakki dengan penyertaan orang-orang Melayu dalam bidang ekonomi bukanlah setakat menjadi pekerja-pekerja sahaja. Yang lebih penting ialah, wujud dan bertambahnya bilangan usahawan-usahawan Melayu, dalam semua bidang kegiatan ekonomi di berbagai peringkat.

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian.

9. Di sini biarlah saya menyentuh mengenai peluang-peluang yang terbuka kepada orang-orang Melayu, dan mereka bagaimana/harus merebutnya. Kehendak Kerajaan ialah, supaya orang-orang Melayu mengambil dan merebut peluang dengan menggunakan kesemua kemudahan-kemudahan yang

sedia ada atau/akan diwujudkan, dan bukannya dengan cara mengambil kesempatan. Sikap dan amalan mengambil kesempatan,tidak akan membawa kesan dan keuntungan jangka panjang kepada kemajuan masyarakat Melayu. Malah,penyakit ini boleh membantut perjuangan dan usaha-usaha kita hendak meningkatkan lagi taraf dan kedudukan sosio-ekonomi masyarakat Melayu keseluruhannya.

10. Saya membangkitkan perkara ini,kerana terdapat sebilangan orang-orang Melayu yang mengamalkan sikap mengambil kesempatan. Misalnya, ada setengah-

setengah orang Melayu, yang tanpa serius, cuma mencuba-cuba menggunakan peluang dan kemudahan untuk menjalankan sesuatu kegiatan ekonomi. Mereka ini mengharapkan semua bantuan dari Kerajaan, untuk mengatasi segala masalah mereka. Ada juga yang memasuki dalam bidang ekonomi untuk menjadi kaya/sekelip mata, tanpa usaha yang jujur, gigih dan bersungguh-sungguh. Dengan menggunakan pengaruh dan kedudukan, mereka ini telah diberi permit, concession atau lain-lain; tetapi malangnya, mereka ini telah menjual-niagakannya bagi mendapat keuntungan yang cepat, walaupun sedikit. Ada pula di antara mereka yang mengambil kesempatan untuk mengu-

kuhkan pengaruh dan kedudukan bagi tujuan-tujuan tertentu. Terdapat juga gulungan-gulungan yang mengambil kesempatan, untuk mendapatkan kemudahan-kemudahan yang dikhaskan bagi mereka yang daif dan berpendapatan rendah, sekalipun mereka ini tidak layak menerimanya.

11. <sup>akan</sup> Gejala-gejala inilah yang telah merosakkan nama baik orang Melayu dan imej UMNO. Gejala-gejala inilah juga, yang boleh menggagalkan pencapaian matlamat Dasar Ekonomi Baru. Sebagai parti yang memperjuangkan cita-cita dan hasrat masyarakat Melayu, UMNO hendaklah berwaspada terhadap gejala-gejala yang tidak sihat ini, dan seterusnya menggunakan segala keupayaannya

15.

bagi membasmi sikap dan amalan yang sempit dan merbahaya ini.

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian.

12. Memandangkan kedudukan dan masalah di Wilayah Persekutuan, peranan UMNO di Wilayah Persekutuan sudah tentu berbeza daripada peranan UMNO di negeri-negeri lain. Perbezaan ini jelas, disebabkan dari kedudukan Wilayah Persekutuan sebagai Pusat pentadbiran, perniagaan, kegiatan kebudayaan dan lain-lain lagi, sebagai mana yang saya telah sentuh sebentar tadi. Kedudukan Wilayah Persekutuan sebagai kawasan metropolitan, dengan masalahnya yang tersendiri, juga mempengaruhi

corak dan suasana politiknya, justru itu, peranan UMNO sendiri.

13. Peranan UMNO di Wilayah Persekutuan mestilah mengambil kira hakikat bahawa kaum Melayu merupakan kumpulan minority dari jumlah besar penduduk-penduduk dan pengundi-pengundi di Wilayah Persekutuan. Kaum Melayu merupakan hanya 29% daripada sejuta jumlah besar penduduk di Wilayah Persekutuan. Hakikat ini hendaklah disedari oleh pemimpin dan ahli-ahli UMNO. Kedudukan ini, semestinya menghendaki pengubahan dan penyesuaian strategi perjuangan UMNO, dan

keutuhannya sebagai parti politik yang telah memimpin masyarakat Melayu semenjak sebelum Merdeka lagi.

14. Kedudukan orang-orang Melayu  
kumpulan

sebagai/minoriti politik,bererti UMNO mesti menekankan peranannya dalam memupuk perpaduan politik masyarakat Melayu. Walaupun pengundi-pengundi Melayu merupakan majoriti didalam satu kawasan Parlimen sahaja, akan tetapi perpaduan politik masyarakat Melayu dibawah naungan dan pimpinan UMNO,akan boleh memainkan peranan sebagai penentu kepada

keputusan pilihanraya didalam sekurang-kurangnya satu lagi kawasan Parlimen, iaitu kawasan Damansara. Perpecahan undi masyarakat Melayu akibat permainan kotor politik PAS, seperti yang terbukti didalam pilihanraya yang lalu, telah melemahkan kuasa penentuan politik masyarakat Melayu. Oleh itu, peringkat cawangan dan Bahagian hendaklah sentiasa sedar tentang kedudukan ini, dan hendaklah memperkukuhkan pengaruhnya dalam memainkan peranannya, sebagai kuasa penyatuan masyarakat Melayu. Sekali lagi saya tegaskan, bahawa didalam keadaan dimana


pengundi-pengundi Melayu adalah minoriti, perpaduan politik masyarakat Melayu melalui kepimpinan UMNO, lebih-lebih lagi diperlukan.

15. Dalam hubungan ini, UMNO terpaksa bergerak didalam kawasan-kawasan, dimana ahli-ahlinya sendiri tidak akan berpeluang mewakili parti sebagai calon wakil rakyat. Daripada lima kawasan pilihanraya, calon UMNO menduduki kerusi Wakil Rakyat didalam satu kawasan sahaja. Didalam empat kawasan pilihanraya lain, pemimpin dan ahli UMNO bergerak, samada bagi menyokong wakil parti gabungan Barisan Nasional, ataupun bergerak ... 20/-

didalam kawasan pilihanraya yang diwakili oleh parti lawan.

16. Walau bagaimanapun, saya merasa megah kerana keadaan ini,telah tidak melemahkan semangat perjuangan pemimpin-pemimpin dan ahli-ahli UMNO. Sungguhpun UMNO di bahagian-bahagian Kuala Lumpur Bandar, Sungai Besi dan Damansara,terpaksa bergerak didalam kawasan pilihanraya yang diwakili oleh parti lawan, UMNO tetap mempunyai peranan sebagai pemimpin dan penaung masyarakat Melayu. Pemimpin dan ahli UMNO di bahagian-bahagian ini, sesungguhnya

...21/-

telah menunjukkan semangat perjuangan yang tulin, kerana didalam perjuangannya, mereka tidak mengharapkan  bahkan tetap menyumbangkan tenaga, masa dan wang ringgit, demi kepentingan bangsa, agama dan negara

17. Perkara ini haruslah menjadi kemegahan ahli-ahli UMNO di Wilayah Persekutuan. UMNO tetap mempunyai dan perlu memainkan peranannya yang penting, untuk memberi kepimpinan dan perlindungan kepada masyarakat Melayu. Sesungguhnya, pemimpin-pemimpin UMNO didalam bahagian-bahagian yang telah saya sebutkan itu, terpaksa memainkan

peranan sebagai 'wakil rakyat' sekurang-kurangnya kepada masyarakat Melayu, kerana hanya kepada UMNOlah, masyarakat Melayu dapat bergantung dan mengharapkan pembelaan. Kepimpinan dan perjuangan ikhlas, yang telah dibuktikan oleh UMNO ini, tidak sia-sia. Kesannya boleh dilihat daripada dasar-dasar dan rancangan-rancangan Kerajaan, yang telah banyak mengambil kira pandangan dan sumbangan daripada pemimpin-pemimpin UMNO\* sekalipun mereka tidak mempunyai kedudukan rasmi sebagai Wakil Rakyat

18. Didalam keadaan dimana Ibu Negara Kuala Lumpur dan Wilayah Persekutuan sedang membangun dengan pesat, peranan pemimpin dan ahli UMNO semakin bertambah penting, sebagai penggembeling tenaga dan penghubung diantara rakyat dan Kerajaan. Jentera UMNO mistilah lagi, diperkuatkan I dan organasasinya diperluas dan diperkemaskan. Dengan ini,UMNO akan dapat meningkatkan lagi perjuangannya,untuk membela hasrat dan aspirasi rakyat, khususnya masyarakat Melayu, didalam Wilayah Persekutuan.

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian.

19. Dalam kesibukan berkonvensyen ini, saya percaya banyak pandangan-pandangan yang bernas serta membina, akan lahir. Saya menunggu dengan penuh minat untuk meneliti rumusan-rumusannya nanti, bukan sahaja bagi Konvensyen ini, tetapi konvensyen-konvensyen disemua negeri. Dalam pada itu, saya menggesa UMNO dan masyarakat Melayu untuk memainkan peranan mereka, berganding-bahu dan bantu membantu dengan satu tujuan, iaitu memajukan masyarakat Melayu dan negara.

... 25/-

20. Akhir kata,saya mengucapkan terima kasih diatas peluang yang telah diberikan kepada saya untuk menyertai Konvensyen ini,dan dengan ini saya membukanya dengan rasmi.

Terima kasih.



Siri	479
No Penerimaan	92/81